



Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
National Pharmaceutical Control Bureau
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Ruj.Kami : (6) dlm.BPFK/17/FV/4.34
Tarikh : 07 SEP 2011

IMEKS Pharma Sdn. Bhd
No 1 & 2, Jalan 6/33B
MWE Commercial Park
52000 Kuala Lumpur

Tuan/Puan,

RISALAH MAKLUMAT UBAT PENGGUNA (RiMUP)

NAMA PRODUK: Verahexal 120 SR (MAL19985513A)

Saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Semakan telah dibuat bagi draf "Patient Information Leaflet (PIL) for **Captohexal 50 tablet** dan mendapati risalah ini mematuhi garis panduan yang ditetapkan dan boleh digunakan.
3. Pihak tuan/puan perlu mengemukakan permohonan variasi bagi mengemaskini RiMUP melalui sistem QUEST dan melampirkan surat kelulusan ini dalam tempoh 7 hari dari tarikh surat ini.

Sekian Terima Kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(ROKIAH ISAHAK)

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Seksyen Farmakovigilans
b.p. Timbalan Pengarah
Pusat Pasca Pendaftaran Produk
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
Kementerian Kesihatan Malaysia

sk. Ketua Seksyen Variasi

np/-

Verahexal[®] 120 SR

Verapamil hydrochloride

Patient Information Leaflet

WHAT IS IN THIS LEAFLET?

1. What Verahexal is used for
2. How Verahexal works
3. Before you take Verahexal
4. How to take Verahexal
5. While you are using Verahexal
6. Possible side effects
7. After Using Verahexal
8. Product description
9. Manufacturer
10. Marketing Authorization Holder

Read this entire leaflet before you start taking the medication.

- Keep this leaflet. You may need to read again.
- Ask your doctor or pharmacist if you need more information or advice.
- This medicine has been prescribed for you. Do not pass it on to others. It may harm them, even if their symptoms are the same as yours.
- If any of the side effects gets serious, or if you notice any side effects not listed in this leaflet, please tell your doctor or pharmacist.

1. WHAT VERAHEXAL IS USED FOR

Verahexal contains the active ingredient Verapamil hydrochloride.

Verahexal is used to treat high blood pressure (hypertension) and to manage and prevent angina (chest pain). It is also used to treat and prevent certain types of abnormal heart beats.

2. HOW VERAHEXAL WORKS

Verahexal belongs to the group of medicines called Calcium channel blockers. Calcium channel blockers change the amount of calcium getting into the muscles cells in your heart and blood vessels. This can change the strength and speed which your heart beats. It also opens up the blood vessels so blood can be pumped around the body more easily. This helps more oxygen

to get to your heart muscle and can lower your blood pressure.

The 'SR' denotes susatained-release. Sustained-release tablet formulation of Verahexal means that the tablets are designed to work over a 24-hour period.

3. BEFORE YOU TAKE VERAHEXAL

When you must not take it

Do not take Verahexal if you:

- Have ever had allergic reaction to verapamil hydrochloride, the active ingredient, or to any other ingredients in Verahexal,
- Are pregnant, think you are pregnant or planning to become pregnant or are breastfeeding,
- Have very low blood pressure,
- Have ever had any form of heart problems before, such as heart failure, or heart condition known as Wolff-Parkinson-White syndrome (rapid heart rate sometimes associated with dizziness or faintness),
- Have problems with the impulses and rhythms of the heart (second or third degree atrioventricular block or sick sinus syndrome)
- Have kidney problems,
- Have liver problems,

If you are not sure whether you should start taking this medicine, consult your doctor.

Before you start to take it:

Tell your doctor if you have allergies to any other medicines, foods, preservatives or dyes.

Tell your doctor if you:

- Think you are (or might become) pregnant,
- Have a history of swelling of the face, lips, tongue, throat, hands or feet.
- Have any heart problems,
- Suffer from any kidney problems,
- Suffer from any liver problems,

Taking / using other medicines

Inform your doctor or pharmacist if you are taking or if you have recently taken any other medicines, including medicines obtained without a prescription.

Some medicines and Verahexal may interfere with each other. It is important to tell your doctor or pharmacist if you are taking:

- Any other medicines to treat high blood pressure, particularly beta-blockers (atenolol, propranolol, metoprolol) and alpha-blockers (prazosin, terazosin),
- Diuretics (water tablet),
- Medicines from Statins group for lowering cholesterol level (lovastatin, simvastatin),
- Medicines for irregular heart beat (arrhythmia) such as digoxin, quinidine, disopyramide, flecainide and amiodarone,
- Theophylline, used to treat asthma,
- Carbamazepine, used to treat convulsion,
- Rifampicin, an antibiotik,

Your doctor or pharmacist will have more information on the medicines you should avoid.

Pregnancy and breast-feeding

Tell your doctor if you are pregnant; think you are pregnant or planning to become pregnant. Verahexal is not recommended during pregnancy.

Tell your doctor if you are breast feeding or about to start breast feeding. Verahexal is not recommended for mothers who are breastfeeding. Your doctor may choose another treatment for you if you wish to breastfeed.

4. HOW TO TAKE VERAHEXAL

Always take Verahexal exactly according to the instructions given to you by your doctor or pharmacists. If you are unsure, check with your doctor or pharmacist.

Verahexal[®] 120 SR

Verapamil hydrochloride

Patient Information Leaflet

How much to take

The dose given by your doctor may differ from this leaflet.

The usual starting dose is 1 tablet to be taken in the morning daily. Depending on your response, your doctor may increase your dose after 1 week to up to 1 tablet twice daily.

When to take it

Take Verahexal at the same time everyday to ensure good control on your blood pressure.

Taking Verahexal with food and drink

Verahexal can be taken with or without food. Swallow the tablet with a glass of water. Do not cut, crush or chew the tablet.

How long to take it

Continue to take your medicines as long as your doctor tells you. This medicine helps to control your condition, but does not cure it. It is important to keep taking your medicine even if you feel well.

If you forget to take it

Take your dose as soon as you remember and continue to take it as you would normally. Do not take a double dose to make up for the dose you missed.

If you take too much (overdose)

If you or anyone else takes too many tablets, you should immediately go to your nearest hospital emergency department or tell your doctor. Do this even if there are no signs of discomfort or poisoning. Take the carton or any remaining tablets you have with you.

Symptoms of an overdose may include low pulse rate, slow heart beat and low blood pressure.

If you have any further questions on the use of this product, ask your doctor or pharmacist.

5. WHILE YOU ARE USING VERAHEXAL

Things you must do

- Always take Verahexal exactly according to the instructions given to you by your doctor or pharmacists. If you are unsure, check with your doctor or pharmacist.
- Inform your doctor or pharmacist if you are taking or if you have recently taken any other medicines, including medicines obtained without a prescription such as supplements or traditional medicines.
- Tell your doctor or pharmacist immediately if you notice any side effects, or if the side effects gets serious or anything else that make you feel unwell.
- If you become pregnant, or plan on becoming pregnant while taking Verahexal, tell your doctor immediately.
- If you are about to be started on a new medicine, remind your doctor and pharmacist that you are taking Verahexal.

Things you must not do

- Do not stop taking your medicines without consulting your doctor. It is important to keep taking your medicine even if you feel well.
- Do not use Verahexal after the expiry date which is stated on the carton and blister.
- Do not give this medication to anyone else, even if they have the same condition as you.

Things to be careful of

• Driving and using machines

Be careful when driving or operating machineries while you are taking Verahexal. Verahexal may cause drowsiness in some people especially during the first dose or after the dose is increased. If you experience dizziness or drowsiness, consult your doctor before attempting such activities.

Drinking alcohol together with Verahexal may cause dizziness and drowsiness.

6. POSSIBLE SIDE EFFECTS

All medicines can have side effects. Verahexal may cause unwanted side effects although not everybody gets them.

Side effect is uncommon if the recommended dose is given and with slow gradual increase of dose. The following side effects are reported at rates of 1% or more (1 in 100) and usually occur when the dose is increased:

- Constipation
- Dizziness
- Flushing
- Headache
- Nausea
- Low blood pressure
- Swelling from accumulation of fluid (edema)
- Pulmonary edema – Accumulation of fluid in the lung (shortness of breath, coughing, difficulty in breathing)
- Fatigue
- Difficulty in breathing
- Low heart rate
- rashes

These effects usually go away or get less with time.

The following side effects are rarely reported and at rates of less than 1%.

- Chest pain
- Irregular heart beat
- Palpitation
- Diarrhea
- Bruises
- Confusion
- Insomnia
- Rashes or redness of skin
- Itchiness
- Hair dropping
- Frequent urination

Verahexal[®] 120 SR

Verapamil hydrochloride

Patient Information Leaflet

The following are rare and serious side effects. You may need urgent medical attention.

- Severe allergic reaction (rash, itching, swelling of hands, face, lips or tongue),
- Swelling of breast (males) or start to produce milk (males and females) – reversible upon stopping medication,
- Swelling or redness in gums

Tell your doctor or pharmacist immediately if you notice the side effects continues or getting serious or anything else that make you feel unwell.

Other side effects not listed above may also occur in some people.

7. AFTER USING VERAHEXAL

Storage

Store in a cool, dry place below 25°C. Store in original package to protect from heat and moisture.

Do not store Verahexal or any other medicines in the bathroom, near a sink or leave it at the window sill or in the car.

Keep out of the reach and sight of children.

Disposal

The expiry date of Verahexal is printed on the carton and blister. Do not use if after expiry date.

If your doctors tell you to stop taking Verahexal or the expiry date has passed, ask your pharmacist what to do with the remaining medicines.

8. PRODUCT DESCRIPTION

What it looks like?

Verahexal[®] 120 SR tablet is a round, beige color tablet with breakline on one side.

Verahexal comes in strip packs of 30, 50 and 100 SR tablets per box.

Ingredients

The active ingredient:

Each Verahexal[®] 120 SR tablet contains 120mg verapamil hydrochloride.

The other ingredients are:

Sodium alginate, microcrystalline cellulose, polyvidone, colloidal silica anhydrous, magnesium stearate.

Colouring agent: Opadry white (methylhydroxypropyl cellulose, lactose, titanium dioxide, macrogol), ferric oxide (yellow).

Registration Number

MAL19985513A

9. MANUFACTURER

Manufactured by:

Salutas Pharma GmbH
Otto-von-Guericke-Allee 1,
39179 Barleben, Germany

For:

HEXAL AG
Industriestraße 25,
83607 Holzkirchen,
Germany

10. MARKETING AUTHORISATION HOLDER

IMEKS Pharma Sdn. Bhd.
No. 1 & 2, Jalan 6/33B,
MWE Commercial Park,
52000 Kuala Lumpur. Malaysia

Date of Revision: Sep-2011

Verahexal® 120 SR

Verapamil hydrochloride

Risalah Maklumat Ubat Pengguna

APAKAH YANG ADA PADA RISALAH INI?

1. Apakah Kegunaan Verahexal
2. Bagaimana Verahexal berfungsi
3. Sebelum mengambil Verahexal
4. Cara menggunakan Verahexal
5. Semasa menggunakan Verahexal
6. Kesan-kesan sampingan
7. Selepas menggunakan Verahexal
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang pendaftaran produk

Baca seluruh risalah ini sebelum anda mula ambil ubat ini.

- Simpan risalah ini. Anda mungkin perlu membacanya lagi.
- Sekiranya anda perlu maklumat lanjut, sila rujuk doktor atau ahli farmasi anda.
- Ubat ini dipreskribkan kepada anda. Jangan berikan kepada orang lain. Ini mungkin membahayakan kesihatan mereka walaupun tanda-tandanya adalah sama dengan anda.
- Sekiranya apa-apa kesan sampingan menjadi serius, atau anda perasan apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

1. APAKAH KEGUNAAN VERAHEXAL

Verahexal mengandungi bahan aktif yang dikenali sebagai Verapamil hydrochloride.

Verahexal digunakan dalam rawatan tekanan darah tinggi (hipertensi) dan *angina* (sakit dada). Ia juga digunakan untuk merawat dan mencegah sesetengah jenis degupan jantung tidak normal.

2. BAGAIMANA VERAHEXAL BERFUNGSI

Verahexal adalah dari kumpulan ubat yang dikenali sebagai '*Calcium Channel Blockers*'. Ia mengubah kuantiti zat kalsium yang memasuki sel otot jantung dan salur darah. Ini akan mengubah kekuatan dan kelajuan jantung anda berdegup. Ia juga

melebarkan saluran darah agar darah boleh dipam ke seluruh badan dengan lebih senang. Ini juga membantu membawa lebih oksigen ke otot jantung dan menurunkan tekanan darah.

'SR' bermaksud 'sustained-release', dimana tablet Verahexal ini direkabentuk untuk berfungsi sepanjang tempoh 24 jam.

3. SEBELUM MENGAMBIL VERAHEXAL

Bila tidak boleh diambil

Anda tidak boleh mengambil Verahexal sekiranya anda:

- Pernah mengalami alahan terhadap bahan aktif verapamil hydrochloride, atau kepada bahan-bahan lain dalam Verahexal.
- Mengandung, atau beranggapan anda telah mengandung,
- Mempunyai tekanan darah yang amat rendah,
- Mempunyai sebarang masalah jantung sebelum ini, seperti kegagalan jantung atau sindrom *Wolff-Parkinson-White* (kadar degupan jantung yang pantas, kadang-kala bersama dengan kepeningan atau pitam),
- Mempunyai masalah dengan nadi dan irama degupan jantung (halangan *atrioventricular* paras kedua atau ketiga atau sindrom sakit sinus),
- Mempunyai masalah ginjal,
- Mempunyai masalah hati.

Bincang dengan doktor sekiranya anda tidak pasti sama ada anda patut mengambil ubat ini.

Sebelum mula mengambil Verahexal:

Beritahu doktor anda sekiranya anda mengalami alahan terhadap ubat-ubatan lain, makanan, bahan pengawet atau bahan pewarna.

Beritahu doktor anda sekiranya anda:

- Beranggapan anda telah atau mungkin telah mengandung,

- Pernah mengalami kebengkakan pada muka, bibir, lidah, kerongkong, tangan atau kaki,
- Mempunyai sebarang masalah jantung,
- Mempunyai penyakit ginjal,
- Mempunyai penyakit hati,

Jika mengambil ubat-ubatan lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya anda ada mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat-ubatan yang didapatkan tanpa preskripsi.

Sesetengah ubat boleh berinteraksi dengan Verahexal. Adalah penting untuk anda memberitahu doktor atau ahli farmasi sekiranya anda ada mengambil:

- Sebarang ubat lain untuk merawat tekanan darah tinggi, terutamanya *beta-blockers* (atenolol, propranolol, metoprolol) dan *alpha-blockers* (prazosin, terazosin),
- Diuretik (ubat kurangkan air badan),
- Ubat dari kumpulan *Statins* untuk mengurangkan paras kolesterol (lovastatin, simvastatin),
- Ubat untuk degupan jantung tidak tetap (*arrhythmia*) seperti digoxin, quinidine, disopyramide, flecainide dan amiodarone,
- Theophylline, untuk rawatan asma (lelah),
- Carbamazepine, untuk rawatan sawan,
- Rifampicin, sejenis antibiotik.

Doktor atau ahli farmasi anda boleh memberikan maklumat yang lebih terperinci mengenai ubat-ubatan yang perlu anda hindari.

Semasa Mengandung dan Menyusu Bayi

Maklumkan kepada doktor sekiranya anda mengandung, beranggapan anda telah mengandung atau bercadang untuk mengandung. Verahexal adalah tidak disyorkan semasa mengandung.

Maklumkan kepada doktor sekiranya anda sedang menyusu atau bercadang untuk menyusu. Verahexal tidak disyorkan untuk digunakan untuk ibu yang sedang menyusu.

Verahexal[®] 120 SR

Verapamil hydrochloride

Risalah Maklumat Ubat Pengguna

Doktor anda mungkin akan pilih rawatan yang lain sekiranya anda ingin menyusu bayi anda.

4. CARA MENGGUNAKAN

VERAHEXAL

Sentiasa ambil Verahexal sepertimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa banyak harus diambil

Dos yang diberikan oleh doktor anda mungkin berlainan dengan risalah ini.

Biasanya, dos permulaan adalah 1 tablet diambil pada waktu pagi setiap hari. Bergantung kepada reaksi anda, doktor mungkin akan menambahkan dos anda selepas 1 minggu sehingga 1 tablet dua kali sehari.

Bila perlu diambil

Ambil Verahexal pada waktu yang sama setiap hari untuk memastikan pengawalan tekanan darah yang baik.

Diambil dengan makanan dan minuman

Verahexal boleh diambil dengan atau tanpa makanan. Telan seluruh biji tablet Verahexal dengan segelas air. Jangan potong, hancur atau kunyah tablet tersebut.

Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan ubat ini selagi anda diarahkan oleh doktor. Ubat ini bertujuan untuk mengawal masalah kesihatan anda tetapi bukan untuk menyembuhkannya. Adalah penting untuk anda terus mengambil ubat ini walaupun anda berasa sihat.

Jika terlupa mengambil

Ambil dos anda dengan segera apabila anda ingat dan teruskan mengambil Verahexal seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang anda terlupa.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda, atau sesiapa telah mengambil ubat ini secara berlebihan, anda hendaklah segera pergi ke Bahagian Rawatan Kecemasan Hospital terdekat atau maklumkan kepada doktor anda. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang tanda ketidakselesaian atau keracunan. Bawa bersama bungkusan atau baki ubat yang selebihnya dengan anda.

Antara simptom terlebih dos adalah termasuk kadar nadi rendah, degupan jantung lambat, dan tekanan darah rendah.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda, sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai penggunaan ubat ini.

5. SEMASA MENGGUNAKAN

VERAHEXAL

Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa ambil Verahexal mengikut arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya pada kebelakangan ini anda ada ambil sebarang ubat, termasuk ubat tanpa preskripsi seperti suplemen atau ubat tradisional,
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya kesan sampingan menjadi serius atau anda mengalami reaksi lain yang menyebabkan anda berasa tidak sihat.
- Beritahu doktor anda dengan segera sekiranya anda telah mengandung, atau bercadang untuk mengandung semasa mengambil Verahexal.
- Jika anda akan mula mengambil ubat baru, ingatkan doktor dan ahli farmasi bahawa anda sedang mengambil Verahexal.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil Verahexal tanpa kebenaran doktor anda. Adalah amat penting untuk anda meneruskan

pengambilan ubat anda walaupun anda berasa sihat.

- Jangan guna Verahexal yang telah melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak dan strip ubat.
- Jangan beri ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai masalah kesihatan yang sama dengan anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

• Memandu dan menggunakan mesin

Berhati-hati ketika memandu atau menggunakan mesin semasa anda mengambil Verahexal. Verahexal mungkin menyebabkan keadaan mengantuk pada sesetengah orang terutamanya semasa dos pertama atau selepas dos ditambah. Jikalau anda mengalami kepeningan atau mengantuk, dapatkan nasihat doktor anda sebelum menjalankan aktiviti-aktiviti seperti ini.

Pengambilan alkohol bersama Verahexal boleh menyebabkan kepeningan atau mengantuk.

6. KESAN-KESAN SAMPINGAN

Semua ubat mempunyai kesan sampingan. Verahexal mungkin menyebabkan kesan sampingan, tetapi, bukan setiap individu akan mengalaminya.

Kesan sampingan tidak biasa berlaku sekiranya ubat diberi mengikut dos yang disyorkan dan penambahan dos dilakukan dengan perlahan. Kesan-kesan sampingan berikut dilaporkan pada kadar 1% atau lebih (1 dalam 100) dan biasanya berlaku selepas dos ditambah:

- Sembelit
- Pening
- Muka rasa panas atau merah (*flushing*)
- Sakit kepala
- Mual
- Tekanan darah rendah
- Bengkak disebabkan penakungan cecair (*edema*)

Verahexal[®] 120 SR

Verapamil hydrochloride

Risalah Maklumat Ubat Pengguna

- Pulmonary edema – Penakungan cecair di dalam paru-paru (sesak nafas, batuk, kesukaran bernafas),
- Letih
- Sukar untuk bernafas
- Kadar degupan jantung rendah
- ruam

Kesan-kesan sampingan ini biasanya akan hilang atau berkurang dengan masa.

Kesan-kesan sampingan berikut adalah jarang dilaporkan pada kadar kurang daripada 1%:

- sakit dada
- degupan jantung tidak normal
- palpitasi
- cirit-birit
- lebam
- keliru
- insomnia
- ruam atau kulit menjadi merah
- gatal
- rambut gugur
- kerap berkencing

Kesan-kesan sampingan berikut adalah *jarang tetapi serius*. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

- Reaksi alahan yang serius (ruam, gatal, bengkak pada tangan, muka, bibir atau lidah),
- Pembengkakan payudara (lelaki) atau penghasilan susu (lelaki dan wanita) – boleh pulih apabila ubat dihentikan,
- Bengkak atau kemerahan pada gusi.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya kesan sampingan menjadi serius atau anda mengalami reaksi lain yang menyebabkan anda berasa tidak sihat. Kesan-kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan mungkin juga akan dialami oleh sesetengah orang.

7. SELEPAS MENGGUNAKAN VERAHEXAL

Penyimpanan

Simpan di tempat sejuk dan kering dibawah suhu 25°C. Simpan dalam bungkus asal untuk melindungi daripada haba dan kelembapan.

Jangan simpan Verahexal atau ubat-ubat lain di dalam tandas, berdekatan dengan sinki atau ditinggalkan di tepi tingkap atau di dalam kereta.

Jauhi daripada kanak-kanak.

Pelupusan

Tarikh luput Verahexal dicetak pada kotak dan strip. Jangan guna sekiranya melebihi tarikh luput.

Jika anda diarahkan oleh doktor untuk berhenti mengambil Verahexal, atau ia telah melebihi tarikh luput, tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk mengendalikan baki ubat tersebut.

8. MAKLUMAT LANJUT

Rupa dan warna Verahexal.

Verahexal[®] 120 SR tablet adalah bulat, berwarna coklat cerah dengan garis pembelahan pada satu permukaan tablet.

Verahexal dibungkus dalam pek strip 30, 50 dan 100 biji SR tablet sekotak.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif Verahexal adalah: Setiap tablet Verahexal[®] SR tablet mengandungi 120mg verapamil hydrochloride.

Bahan-bahan lain:

Sodium alginate, microcrystalline cellulose, polyvidone, colloidal silica anhydrous, magnesium stearate.

Bahan pewarna: Opadry white (methylhydroxypropyl cellulose, lactose, titanium dioxide, macrogol), ferric oxide (kuning).

Nombor pendaftaran
MAL19985513A

9. PENGILANG

Dikilangkan oleh:
Salutas Pharma GmbH
Otto-von-Guericke-Allee 1,
39179 Barleben, Germany

Untuk:
HEXAL AG
Industriestraße 25,
83607 Holzkirchen,
Germany

10. PEMEGANG PENDAFTARAN PRODUK

Pemegang Pendaftaran Produk:

IMEKS Pharma Sdn. Bhd.
No. 1 & 2, Jalan 6/33B,
MWE Commercial Park,
52000 Kuala Lumpur. Malaysia

Tarikh kemaskini: Sep-2011